

Dasar luar Dr M berorientasikan pelaburan

BH 01/11/2003 - 12 PRECISE

Oleh Dr Ilias Zaidi

DASAR luar lakaran Tun Dr Mahathir Mohamad sekitar 1981 - 2003 berorientasikan pendekatan ekonomi jelas melonggokkan timbunan hasil yang besar lagi bermakna dari segi penarikan pelaburan asing sekali gus memudahkan produk negara menembusi pasaran antarabangsa.

Malaysia terus menjadi pilihan pelabur dari Eropah, Asia Barat dan China bagi menanam modal di sini. Suasana pelaburan yang baik dengan kestabilan politik yang mantap menjadi faktor pendorong kepada kedatangan mereka.

Kejayaan Dr Mahathir menangani kemelut ekonomi terutama kegawatan yang melanda negara sekitar 1997-98 tanpa bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) benar-benar dikagumi oleh seluruh dunia.

Industri intensif buruh dengan bayaran yang relatif rendah turut menjadi daya tarikan pelabur asing datang ke mari. Lawatan kerja Dr Mahathir yang turut membawa tokoh korporat dan usahawan amat berjaya dalam konteks ini seperti yang diakui sendiri oleh Perdana Menteri sekembalinya beliau dari Papua New Guinea.

Dari aspek lain, dasar luar era Dr Mahathir membolehkan negara menembusi beberapa pasaran bukan tradisi untuk produk negara seperti minyak sawit dan tentunya kereta nasional. Sebab itulah negara terbaik-terbaik dengan semua negara tanpa mengira ideologi politik mereka asalkan pelaburan dapat ditingkatkan dan pasaran baru dapat diterokai.

Situasi dunia berada dalam keadaan yang menggalakkan dalam tempoh pemerintahan Dr Mahathir memungkinkan pasaran dan pelaburan baru didekati. Misalnya Vietnam sudah jatuh ke tangan komunis, bertali arus kepada pelanggaran dan penduduk Vietnam ke atas Kampuchea. Kedua-dua negara ini menjamin pelaburan baik. Persahabatan

dengan China terus dipermantapkan lantaran pasarnya amat luas dan besar bagi produk negara selepas negara komunis itu mengamalkan dasar pintu terbuka. Asia Barat juga menjanjikan peluang yang serupa.

Lain halnya dengan situasi di Eropah walaupun perang dingin sudah tamat pada akhir 90-an. Menurut pengalaman beliau, Barat lebih mementingkan pengeksportan produk mereka ke negara membangun. Justeru itu, Jepun banyak memberi pengajaran dan pedoman dari segi pemindahan teknologi canggih seperti permotoran kepada negara.

Ketika beliau mengambil alih teraju kepemimpinan negara pertengahan 1981, bibit awal akan kedudukan ekonomi global yang tidak menentu sudah berputik yang dua tiga tahun kemudiannya menjadi realiti apabila dunia dilanda kegawatan.

Ukuran hendak menyamakan Barat dengan permodenan dan kemajuannya tidaklah begitu tepat pada ketika itu. Kemajuan mereka lebih memberat kepada pembaratan yang menafikan nilai kerohanian. Dr Mahathir mendapati masyarakat Barat tidak lagi serajin nenek moyang mereka yang berani meneroka pada zaman penaklukan dunia sebelah timur.

Lantas beliau menyunsung angin ke timur terutama Jepun, Korea Selatan dan Taiwan. Di tengah-tengah kegelisahan hubungan majikan-pekerja di Barat itu, kepemimpinan baru negara merenungi jauh sambil menyingkap sejarah bahawa tentu ada sesuatu yang unik membolehkan Jepun dan masyarakatnya maju sekencang taufan selepas hampir musnah oleh ledakan dua butir bom hidrogen di Nagasaki dan Hiroshima.

Ada dua hal lagi yang mengusik hati kecil Dr Mahathir pada ketika itu. Pertama dari segi orientasi pendidikannya di sini, lebih spesifiknya di Singapura dengan pengkhususan dalam bidang perubatan, suatu kelainan dengan ketiga-tiga Perdana Menteri sebelumnya. Kedua lokasi persekitaran pendidikan yang be-

gitu sehati dengan jiwanya ini melonjakkan semangat bahawa apa kurangnya pendidikan yang diterima di dunia sebelah sini.

Kerosotan ekonomi yang dialami oleh United Kingdom di bawah pimpinan Margaret Thatcher turut melemahkan semangatnya bagi menjadikan Barat sebagai model pengubahan minda rakyat.

Tambahan pula Kerajaan British mengenakan syarat ketat dari segi kemasukan penuntut asing termasuk dari Malaysia untuk menembusi institusi pengajian tingginya.

Britain misalnya mengenakan yuran tinggi, langkah drastik yang kemudian dituruti Kerajaan Australia sehingga tempat pengajian baru terpaksa diusahakan untuk pelajar kita. Begitulah, Dr Mahathir menyeru Jepun agar menyediakan tempat yang lebih banyak untuk penuntut negara belajar di sana.

Rasional inilah yang menyebabkan beralihnya pendekatan dasar luar dari semata-mata pro-Barat kepada dasar Pandang ke Timur pada 1983 yang kemudian menjadi lebih jauh ke timur. Kerjasama Malaysia dengan Jepun dapat ditinjau dari hubungan dua hala dan melalui Asean.

Hubungan dua hala membabitkan perdagangan, pelaburan, kerjasama ekonomi dari segi kewangan dan teknikal, pertukaran lawatan dan budaya. Dalam kerangka Asean, kerjasama dibuat melalui ekonomi, pendidikan dan pelaburan.

Sejarah hubungan dua hala berputik sejak negara mendapat status kemerdekaan. Negara matahari terbit memandang Malaya ketika itu terutamanya sebagai rakan kongsi ekonomi dan dagang. Selepas Asean wujud, kerjasama perdagangan itu menjadi lebih kukuh, kerana Tokyo beranggapan pertumbuhan serantau itu sebagai kuasa penggerak yang stabil di Asia.

Pendekatan ke Jepun, Korea Selatan dan Taiwan misalnya lebih menguntungkan negara dari segi pelaburan jangka panjang. Perpindahan kemahiran teknologi dapat dilakukan walaupun tidak serancak yang diharapkan. Peru-

sahaan Automobol Nasional terencana gagah dari perspektif pandang ke timur ini.

Yang terpenting di sebalik pendekatan dasar luar ini ialah strategi pembangunan ekonomi yang dapat dicontohi dari Taiwan dan Korea Selatan. Ada dua strategi saja yang popular yakni pendekatan ortodok terhadap pembangunan sementara yang satu lagi ialah pendekatan radikal yang juga disebut pendekatan politik-ekonomi atau neo-Marxist.

Taiwan dan Korea Selatan sebagai contoh telah menggunakan pendekatan ortodok dari

segi pembangunan negara yang dalam kata-kata Couloumbis dan Wolfe dalam buku mereka: *Introduction to International Relations: Power and Justice* bermaksud:

"This strategy is premised on the operation of a free-enterprise system, private ownership and initiative, and a market functioning in an atmosphere of governmental stability." (1982: 344). Sesungguhnya dengan pendekatan inilah kedua-dua negara yang menjadi model kita di bawah Dasar Pandang ke Timur mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi antara yang tertinggi di dunia.

Pendekatan dasar luar bersahabat baik dengan semua negara dipatuhi seakur-akurnya oleh Dr Mahathir. Yang nampak berbeza ialah stail melayari pendekatan itu agar seirama dengan tempo dan suasana politik dan ekonomi dunia zamannya. Garjangan di sebalik pendekatan begini ialah longgokan pelaburan dan penembusan pasaran baru ke arah memulihkan pertumbuhan ekonomi selepas kegawatan parah.

Dasar luar yang bakal dilayari oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pun tidak berubah, tetapi yang barangkali dipinda ialah penggantian jenang-jenang kerangka itu kepada yang lebih teguh dan kukuh demi menghadapi cabaran globalisasi dan regionalisasi.

Marilah kita semua mengucapkan selamat bertugas kepada Pak Lah sebagai Perdana Menteri kelima negara.

Sumbangan Dr Mahathir dan veteran dalam MIC

PERSARAAN Perdana Menteri keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam daripada kerajaan dan Barisan Nasional (BN) menimbulkan tanda tanya pelbagai pihak mengenai perancangan masa depannya.

Penganalisis semasa *Sin Chew Jit Poh* pada Khamis lalu mempersoalkan peranan dan bentuk pengaruh yang bakal dimainkan Dr Mahathir kelak.

Akhbar itu melaporkan, sama ada seseorang pemimpin politik itu akan terus dihormati ramai bergantung kepada prestasi kepemimpinan mereka selain menilai cara serta kegiatan mereka ketika bersara.

Kegagalan ramai pemimpin negara termasuk Suharto (Indonesia), Mao Zedong (China) dan Lee Teng-hui (Taiwan) ialah mereka tidak tahu bila patut berundur daripada arena politik.

Bagaimanapun, penulis memuji Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin bijaksana kerana beliau berjanji tidak akan menjadi menteri kanan mahupun campur tangan dalam bidang politik selepas bersara.

Penulis berpendapat, selepas bersara, Dr Mahathir boleh menjadi penulis atau apa saja, namun pilihan paling bijak ialah tidak lagi mempunyai sebarang kuasa.

Lidah pengarang *Nanyang Siang Pau* Jumaat lalu berpendapat, sepanjang 22 tahun kepemimpinan Dr

Mahathir, Malaysia mengalami pembangunan mendadak, keadaan dalam negara yang stabil dan rakyat dapat menikmati kehidupan bertaraf tinggi.

Berbanding pada zaman 80-an, Malaysia kini adalah sebuah negara moden dan sedang menuju ke arah negara maju. Sehubungan itu, beliau harus dijadikan contoh kepada generasi muda.

Berakhirnya zaman pemerintahan Dr Mahathir, bermula era kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Kelmarin, penganalisis semasa *Sin Chew Daily* menasihatkan rakyat supaya tidak perlu bimbang dan jangan mengharap kemunculan seorang lagi pemimpin kuat.

Ini kerana, tindakan itu adalah tidak rasional dan membelakangi pemikiran demokratik yang diamalkan hari ini. Apa yang diperlukan oleh rakyat hari ini ialah sistem yang lebih demokratik, terbuka, bebas dan harmoni.

Dari segi ini, semua rakyat Malaysia mempunyai tanggungjawab masing-masing untuk membina sistem lebih baik dengan menyebarkan pengaruh sendiri.

Sementara itu, menurut penganalisis semasa *Sin Chew Daily* pada Khamis lalu, tindakan Dr Mahathir membuka peluang memperluaskan hubungan dua hala dengan China dari segi ekonomi, sosial dan pendi-

Dari akhbar CINA & TAMIL

Oleh Teh Kean Kiat
& Magendran Rajagopal

dikan berjaya menawan hati masyarakat Cina.

Dasar terbuka yang dilaksanakan oleh Dr Mahathir adalah punca parti komponen BN yang mewakili masyarakat Cina mendapat undi kaum itu pada dua pilihan raya umum lalu.

Tamil Nesan dan *Malaysia Nanban* pula memaparkan perasaan berbelah bagi pelbagai lapisan masyarakat terhadap persaraan Dr Mahathir pada muka depan sepanjang minggu ini sebagai penghormatan kepada pemimpin yang disegani itu.

Kedua-dua akhbar itu berpendapat walaupun kepemimpinan Perdana Menteri keempat itu sukar dicari ganti, rakyat Malaysia secara umumnya yakin dengan kewibawaan Abdullah untuk mengambil alih dan meneruskan dasar negara yang sedia ada.

Isu peralihan kuasa Perdana Menteri juga mencetuskan persoalan sama ada Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu wajar mengikut langkah Dr Mahathir untuk memberi laluan kepada pemimpin baru dalam parti ketiga terbesar yang meng-

anggotai Barisan Nasional (BN) itu.

Nanban dalam minda pengarangnya berpendapat sudah tiba masanya Samy Vellu, yang kini menjadi presiden parti dan menteri Kabinet selama 24 tahun, wajar menerima nasihat Dr Mahathir dan memberi peluang kepada pucuk pimpinan baru mengambil alih.

Minda pengarang hampir setengah muka itu (lazimnya hanya sekitar 15 perenggan dalam *Nanban*) berpendapat saranan Dr Mahathir supaya pemimpin veteran berundur ditujukan kepada semua komponen BN kerana sudah sampai masa untuk perubahan.

Akhbar yang sama melaporkan, saranan itu tidak memperkecilkan kebolehan atau kewibawaan Samy Vellu tetapi hanya sekadar memberi kesedaran mungkin ada yang boleh melakukannya dengan lebih baik berdasarkan pemikiran baru.

Tambahan pula, ada kemungkinan bahawa seseorang pemimpin sudah ketandusan idea baru bagi memanfaatkan kepentingan sosio ekonomi dan kebajikan masyarakat India selepas lebih 24 tahun menjadi pemimpin.

Bagaimanapun, kenyataan itu dibidas oleh *Nesan*, akhbar milik Samy Vellu, yang menyifatkan pendapat seumpama itu sebagai tidak masuk akal dan MIC kini tidak mempunyai pemimpin yang lebih layak daripada

Samy Vellu untuk mengambil alih sebagai presiden parti.

Akhbar itu juga menyelar Presiden Parti Progresif Rakyat (PPP), Datuk M Kayveas, yang membuat dua kenyataan akhbar menyokong Samy Vellu supaya terus memimpin MIC tetapi pada masa sama mempersoalkan kenapa timbalan beliau, Datuk S Subramaniam, tidak membuat sebarang pendirian berhubung isu itu.

Pada masa sama, Presiden Barisan Kemajuan India Malaysia (IPF), Datuk MG Pandithan turut menyimbah minyak ke dalam api yang sudah sememangnya marak dengan mengatakan sudah sampai masanya Datuk S Subramaniam mengambil alih daripada Samy Vellu.

Beliau berpendapat, BN akan lebih kukuh dengan kehadiran muka baru kerana seteru politik pemimpin lama seperti dirinya sendiri, mungkin berpeluang membawa partinya menyertai BN, sekali gus memperkasakannya.

Sebelum ini, Pandithan sering mendakwa Samy Vellu menjadi faktor penghalang utama terhadap kemasukan IPF sebagai komponen BN semata-mata kerana perbezaan peribadi.

Sementara itu, Subramaniam, dalam kenyataannya kepada *Nesan* dan *Nanban*, berkata beliau setuju dengan pendapat Dr Mahathir supaya pemimpin veteran yang tidak lagi mampu menyumbang kepada manfaat parti wajar bersara saja.